


Bahagian A

[10 markah]

[Masa dicadangkan: 15 minit]

Gambar di bawah menunjukkan jualan murah yang diadakan di sebuah pasar raya.

Tulis **lima** ayat lengkap tentang situasi di pasar raya tersebut.



BAHAGIAN A

10

Bahagian B

[15 markah]

[Masa dicadangkan: 25 minit]

Petikan di bawah menunjukkan catatan seharian seorang murid ketika waktu persekolahan.

Tulis ulasan tentang catatan tersebut dalam bentuk perenggan.

*Panjangnya ulasan kamu hendaklah antara **50 hingga 80** patah perkataan.*

Isnin, 5 Oktober 2015

- 7.00 pagi : Aku berbasikal ke sekolah dengan rakan-rakanku. Tiba sahaja di sekolah, kami terus berbaris di tapak perhimpunan. Semua murid berdiri tegak semasa menyanyikan lagu ‘Negaraku’. Kemudian, guru besar menyampaikan amanatnya. Kami mendengar dengan penuh teliti. Tamat perhimpunan, semua murid menuju ke kelas masing-masing untuk memulakan sesi pembelajaran.
- 10.00 pagi : Loceng waktu rehat berbunyi. Aku dan rakan sekelas berjalan dengan berhati-hati menuju ke kantin. Aku hanya membeli makanan dan minuman yang berkhasiat. Aku dan rakan-rakanku akan membasuh tangan sesudah dan selepas makan.
- 10.30 pagi : Waktu rehat tamat. Aku segera masuk ke dalam kelas dan membersihkan papan tulis. Sementara menunggu guru Matematik masuk, aku menyiapkan kerja rumah yang diberi oleh guru mata pelajaran sebelumnya.
- 1.00 tengah hari : Aku mengemas buku dan alat tulis. Seisi kelas berdiri dan mengucapkan terima kasih kepada cikgu sebelum pulang. Aku dan rakan-rakanku menunggang basikal dengan berhati-hati. Aku sentiasa ingat akan pesan ibu bapaku agar tidak berlumba-lumba semasa menunggang basikal.

BAHAGIAN B

15

